

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 4 JULAI 2019, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 2

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

1. PR-1422-MQT0474
Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan SOP Jabatan Imigresen dan PDRM berkenaan tahanan kanak-kanak dan faktor-faktor yang menyebabkan dua orang bayi Filipina ditahan untuk tempoh yang lama di Depot Imigrasi Bukit Jalil yang dilaporkan oleh NGO Tenaganita.

2. PR-1422-MQT0479
Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang] minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan mengapa tragedi di Pasir Gudang berulang dan apakah pelan kontingensi Kementerian dalam memastikan tahap keselamatan penduduk sekitar dalam keadaan selamat.

3. PR-1422-MQT0468
Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah terdapat usaha Kerajaan dalam mengurangkan pekerja asing di sektor perkilangan memandangkan kebanyakan anak Bumiputera luar bandar tidak mendapat peluang bekerja di sektor perkilangan.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 4 JULAI 2019, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 24

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1422-L05596
Tuan Wong Chen [Subang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian Kerajaan dan garis masa terhadap pemindahan kuasa untuk melantik Ketua SPRM kepada Parlimen dengan meminda Akta SPRM 2009 selaras dengan manifesto Pakatan Harapan.

2. PR-1422-L05550
Datuk Seri M. Saravanan [Tapah] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah tindakan segera kepada pemilik premis yang meletak halangan pada petak letak kenderaan tanpa kebenaran serta kaedah dan cara mengurangkan pemilikan petak parkir yang melibatkan beberapa petak sewa khas yang diperuntukkan kepada pemilik premis sedia ada.

3. PR-1422-L05698
Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara spesifik berkenaan bilakah penubuhan "*Independent Police Complaints and Misconduct Commission*" (IPCMC) akan dilaksanakan.

4. PR-1422-L05099
Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-
 - (a) bilakah perkhidmatan tren "*Diesel Multiple Units*" (DMU) yang dibeli dari China dengan kos RM380 juta untuk perkhidmatan kereta api Pantai Timur (Gemas-Tumpat) dimulakan perkhidmatannya; dan
 - (b) bilakah perkhidmatan kereta api ekspres dari Kuala Lumpur ke Tumpat dijangka disambung semula.

5. PR-1422-L04331
Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan usaha Kementerian bagi menggalakkan penggunaan bahan mentah tempatan seperti getah dan kayu-kayan dalam pelbagai aspek pembangunan.

6. PR-1422-L04501
Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan hasil daripada perbincangan Majlis Tindakan Ekonomi dan apakah langkah drastik yang telah diambil bagi memacu kembali ekonomi negara.

7. PR-1422-L04990
Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-
 - (a) berapa efektif langkah penerbangan tambahan bagi menurunkan tambang udara domestik semasa musim perayaan yang diumumkan pada Ogos 2018 dengan statistik terkini; dan
 - (b) adakah pelan lain untuk terus mengurangkan tambang udara domestik yang tinggi berterusan pada musim puncak.

8. PR-1422-L04799
Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapa jumlah tenaga kerja negara yang terkini dan jumlah tenaga kerja asing mengikut sektor serta berapakah jumlah yang telah dihantar pulang pada tahun 2018 dan 2019.

9. PR-1422-L05617
Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan status terkini tentang prestasi atlet wanita yang melibatkan sukan secara berkumpulan seperti bola sepak, takraw dan bola keranjang adakah seimbang dengan pasukan lelaki.
10. PR-1422-L05249
Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman] minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan sejauh mana penguatkuasaan dan pemantauan perlombongan haram atau tamat tempoh permit seperti biji timah, bauksit, emas dan lain-lain di Malaysia.
11. PR-1422-L05527
Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah peranan Majlis Konsultasi Perpaduan Negara untuk meningkatkan perpaduan di kalangan rakyat Malaysia dan bagaimanakah Majlis Konsultasi Perpaduan Negara berjaya mengurangkan isu-isu perkauman dan agama.
12. PR-1422-L04850
Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan pemilikan Bumiputera dalam aset bukan kewangan seperti hartanah komersil, industri dan kediaman di lokasi utama dan strategik.
13. PR-1422-L05489
Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin] minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan apakah inisiatif yang dijalankan oleh Jabatan PERHILITAN bagi usaha pemeliharaan dan pemuliharaan hidupan liar bagi mengelakkan ancaman kepupusan seperti yang sedang dihadapi baka badak sumbu Sumatera.
14. PR-1422-L04629
Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah terdapat dapatan dari mana-mana kajian keperluan menetapkan kadar gaji yang berbeza-beza antara "*urban, sub-urban*" dan "*rural*". Sekiranya ada, apakah penambahbaikan yang telah dilakukan oleh Kerajaan untuk diperkenalkan.
15. PR-1422-L05656
Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah pihak Kementerian bersetuju untuk meneruskan cadangan bagi membina sebuah stadium mini di Desa Puri dalam kawasan Parlimen Tasek Gelugor.

16. PR-1422-L05366
Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah [Jasin] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk menangani isu kejatuhan harga sawit daripada ladang dan langkah-langkah lain untuk meningkatkan pendapatan pekebun kecil selain dari kebergantungan kepada hasil sawit.
17. PR-1422-L05036
Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik berkaitan dengan hutang isi rumah dan jumlah orang mufliis mengikut kategori umur di negara kita. Apakah usaha-usaha Kerajaan untuk mengurangkan hutang isi rumah dan kadar mufliis yang kian meningkat.
18. PR-1422-L05515
Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-
- (a) apakah pihak Kementerian telah melaksanakan sepenuhnya gaji minimum termasuk dalam sektor swasta; dan
 - (b) apakah kesan pelaksanaan gaji minima ini untuk syarikat-syarikat baru dan kecil yang terpaksa membayar gaji minimum dan adakah terdapat syarikat-syarikat baru dan kecil ini telah didenda dan disabitkan kes.
19. PR-1422-L04390
Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah Kementerian ada cadangan untuk meminda Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 (GSA) untuk tujuan memudahkan urusan permohonan pindah milik harta tanah FELDA dari Generasi Pertama ke Generasi Kedua.
20. PR-1422-L05065
Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan bilakah projek tebatan banjir di Rantau Panjang akan bermula dan apakah langkah persediaan menghadapi limpahan air banjir kesan daripada siapnya projek tebatan banjir di sebelah negara Thailand.

21. PR-1422-L04487
Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan alasan untuk pembukaan semula dasar penggantian pekerja asing melalui Memo Periksa Keluar (*Check Out Memo-COM*) dan syarat-syarat utama serta mekanisme majikan dapat penggantian pekerja asing dan pendirian terhadap cadangan perubahan dan "*reform*" oleh MTUC.
22. PR-1422-L04604
Tuan Yamani Hafez bin Musa [Sipitang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana perkembangan kajian mengenai persempadanan kawasan pilihan raya oleh pihak Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) untuk menambah bilangan kerusi Parlimen .
23. PR-1422-L05694
Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan secara terperinci berkenaan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk membangunkan skim perlindungan atlet dan bekas atlet termasuk memperkenalkan skema pencen untuk bekas atlet negara dan negeri untuk mengiktiraf sumbangan mereka kepada sukan negara.
24. PR-1422-L05571
Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands] minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan apakah tindakan yang diambil terhadap syarikat perlombongan yang menjalankan operasi perlombongan di kawasan penduduk Orang Asli Kuala Koh Gua Musang Kelantan yang tamat tempoh lesen operasinya pada tahun 2017 (beroperasi secara haram), aktiviti perlombongan haram ini secara langsung mencemarkan air yang digunakan oleh masyarakat Orang Asli setempat mengakibatkan risiko jangkitan penyakit dan kematian pada mereka.
25. PR-1422-L04314
Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berapa jumlah Lesen Kenderaan Pengangkutan Awam (*Public Service Vehicle-PSV*) yang dikeluarkan kepada pemandu-pemandu *e-Hailing* setakat ini dan berikan butiran mengikut negeri dan sama ada Kementerian berhasrat untuk melanjutkan tempoh untuk pendaftaran PSV untuk kenderaan *e-Hailing*.

26. PR-1422-L04894

Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status dan rasionalnya Kerajaan Malaysia melupuskan 16% daripada pegangan dalam IHH Healthcare oleh Syarikat Khazanah Nasional Berhad dengan jumlah RM8.42 bilion seperti yang diumumkan pada laman sesawang Khazanah pada 29 November 2018 sedangkan ianya mendatangkan keuntungan kepada pelaburan Khazanah dan negara.

27. PR-1422-L04320

Datuk Dr. Jeffrey Gapari Kitingan [Keningau] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan :-

- (a) apakah rancangan Kementerian untuk memperkenalkan dan menggalakkan penanaman kenaf di Sabah memandangkan kenaf boleh ditanam di sawah-sawah padi di Sabah sebagai tanaman bergiliran dengan padi; dan
- (b) apakah insentif dan bantuan Kerajaan untuk penanam-penanam kenaf dan pengusaha-pengusaha industri kenaf di Sabah dan apakah insentif dan bantuan Kerajaan untuk penanam-penanam tembakau di Sabah memandangkan masih ramai penanam tembakau di Sabah khususnya di khalayak orang asal di luar bandar.

28. PR-1422-L04584

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk meminda Akta GSA supaya sesuai dengan keadaan semasa dalam usaha menyelesaikan masalah pengurusan FELDA dan pembahagian harta pusaka di rancangan-rancangan FELDA. Adakah wajar akta ini dilihat semula dan perlu dibuat pindaan yang sewajarnya.

29. PR-1422-L05202

Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan senarai jumlah bayaran yang telah dibayar kepada Yayasan Wilayah Persekutuan oleh setiap rakan kongsi usahasanya untuk semua projek usahasama dan usahaniaga dan nyatakan jumlah yang masih belum dibayarkan kepada Yayasan Wilayah Persekutuan.

30. PR-1422-L04855
Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah proses penambahbaikan persidangan Dewan Rakyat telah dicapai termasuk menubuhkan beberapa Jawatankuasa. Apakah Jawatankuasa yang telah dipersetujui oleh Kabinet dan berapa Jawatankuasa yang masih dalam pertimbangan Kabinet.
31. PR-1422-L04762
Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah yang diambil Kerajaan bagi merealisasikan cadangan YAB Perdana Menteri memperkenalkan urusan perdagangan menggunakan mata wang emas sebagaimana diucap beliau di Persidangan Antarabangsa mengenai Masa Depan Asia (Nikkei Conference), Tokyo.
32. PR-1422-L04676
Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah punca utama berlakunya runtuhannya konkrit di tapak pembinaan Terminal Bersepadu Gombak dan apakah bentuk pampasan yang telah diberikan kepada pihak keluarga mangsa.
33. PR-1422-L05655
Tuan Akmal Nasrullah bin Mohd. Nasir [Johor Bahru] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan usaha-usaha yang telah dijalankan bagi mengurangkan kebergantungan industri terhadap pekerja asing khususnya dalam sektor pertanian dan pembinaan.
34. PR-1422-L04688
Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah terkini rakyat yang belum mendaftar mengundi mengikut kaum. Jika tiada data ikut kaum, mengapa. Adakah data itu rahsia dan mengapa, jika rahsia. Berapa peratus dan angka undi popular mengikut parti yang bertanding pada PRU 14. Jika tiada data mengikut parti, mengapa. Adakah data itu rahsia. Mengapa, jika rahsia.
35. PR-1422-L04509
Tuan Karupaiya A/L Mutusami [Padang Serai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan MITRA (Unit Transformasi India Malaysia) merupakan satu unit untuk pembangunan sosioekonomi masyarakat kaum India di negara ini. Apakah dasar dan perancangan MITRA bagi pembangunan masyarakat kaum India di negara ini. Apakah pencapaian oleh MITRA setakat ini terhadap kaum India sejak diambil alih dari Kerajaan dahulu. Mohon beri penjelasan.

36. PR-1422-L04787
Tuan Kesavan A/L Subramaniam [Sungai Siput] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan cadangan Kerajaan bagi membina rumah kos rendah untuk masyarakat Orang Asli, Sungai Siput.
37. PR-1422-L05597
Tuan Wong Chen [Subang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan komitmen dan mengemukakan garis masa untuk memindahkan kuasa mutlak atas semua urusan berkaitan dengan Petronas kepada Parlimen supaya Petronas boleh menanggung segala akauntabiliti terhadap rakyat selari dengan manifesto Pakatan Harapan.
38. PR-1422-L04452
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah bilangan jawatan utama perkhidmatan awam yang telah dilantik terus oleh Perdana Menteri sejak Kerajaan Pakatan Harapan mentadbir tanpa merujuk Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen untuk melantik Jawatan Utama Perkhidmatan Awam dan bilakah Perdana Menteri merancang untuk menyerahkan tugas lantikan kepada jawatankuasa tersebut.
39. PR-1422-L04669
Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perkembangan terkini mengenai penggubalan draf Rang Undang-Undang Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCMC) dan jelaskan secara terperinci hasil kajian yang telah dilakukan dalam usaha menubuhkan IPCMC ini.
40. PR-1422-L05168
Tuan Shaharizukirnain bin Abd. Kadir [Setiu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk menyediakan pekeliling melarang ahli politik mengadakan majlis di rumah-rumah ibadat memandangkan wujud bantahan rakyat terhadap majlis penyerahan zakat oleh ahli politik bukan beragama Islam dan penganjuran majlis berbuka puasa di kuil oleh ahli politik beragama Islam.
41. PR-1422-L05049
Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan berikut:-
- (a) sama ada pengeluaran balak pokok getah mencukupi untuk permintaan dalam negara dan jika tidak mencukupi, apakah tindakan pihak Kerajaan meningkatkan pengeluaran balak pokok getah ini; dan

- (b) apakah keluasan tanah yang ditanam dengan pokok getah jenis balak (*latex timber clone*) masa kini mengikut setiap negeri.
42. PR-1422-L04857
Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kenapakah wujudnya perbezaan skim gaji dan gred perjawatan para penjawat awam di antara satu Kementerian dengan Kementerian yang lain.
43. PR-1422-L04534
Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan selepas pengumuman Hibah 2018 yang lalu apakah status pendeposit Tabung Haji. Adakah terdapat sebarang pengeluaran deposit yang luar biasa sehingga Jun 2019.
44. PR-1422-L04558
Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah pihak Kementerian melihat "*Parliament Select Committee*" (PSC) yang ada pada ketika ini telah memainkan peranan dan berfungsi sebagaimana objektif penubuhannya.
45. PR-1422-L05325
Tuan Lim Kit Siang [Iskandar Puteri] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status pelaksanaan terkini secara terperinci, bagi projek menambah baik infrastruktur bekalan air terawat, bekalan elektrik, jalan berturap, dan kemudahan telekomunikasi bagi kawasan petempatan Orang Asli mengikut negeri.
46. PR-1422-L05626
Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perkembangan terkini terhadap siasatan berhubung penggunaan dana anak yatim YaPEIM pada tahun 2017 berjumlah RM1 juta, bagi membayar yuran guaman peguam bagi membela Pembantu Mantan Perdana Menteri Dato' Seri Najib yang di bawa ke mahkamah.
47. PR-1422-L04430
Dato' Sri Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim [Batang Lepar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan samada Kerajaan telah mengkaji kaitan antara perbuatan mengekori atau menghendap secara berulang dengan perbuatan jenayah serius terutamanya terhadap mangsa wanita yang telah dibunuh.

48. PR-1422-L05164
Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah mempunyai cadangan untuk memastikan bas-bas ekspres berhenti agar penumpang dapat mengerjakan solat dalam perjalanan mereka.
49. PR-1422-L05425
Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk meningkatkan lagi bidang kuasa mahkamah syariah supaya dapat menjatuhkan hukuman yang lebih berat ke atas kesalahan qazaf bukan sahaja di Wilayah Persekutuan bahkan di seluruh Malaysia.
50. PR-1422-L05326
Tuan Lim Kit Siang [Iskandar Puteri] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan populasi, tahap buta huruf, kadar kelahiran, kadar kematian, kadar kematian bayi, jumlah graduan universiti mengikut tahap pencapaian pendidikan dan jumlah penjawat awam daripada suku kaum Bateq untuk setiap tahun daripada tahun 1998 hingga 2018.
51. PR-1422-L04682
Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah peranan PSC di Parlimen dan mengapakah perlantikan jawatan Ketua Pesuruhjaya SPRM, Ketua Polis Negara, Suruhanjaya Pilihanraya, Peguam Negara dan lain-lain yang kategori jawatan tertinggi tidak dibawa ke pengetahuan PSC terlebih dahulu. Berapa kes di bawah PSC kini dan bila akan dibawa ke pengetahuan umum.
52. PR-1422-L04860
Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha Kerajaan bagi memastikan perpaduan di antara kaum di negara ini tidak terjejas disebabkan oleh tindakan individu-individu tidak bertanggungjawab yang dengan sengaja cuba memainkan sentimen perkauman, keagamaan dan hak Bumiputera yang telah termaktub di dalam Perlembagaan negara.
53. PR-1422-L05283
Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tahap kemajuan langkah-langkah reformasi institusi sepertimana yang terkandung di dalam manifesto Pakatan Harapan.

54. PR-1422-L04826
Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan akan mengkaji semula undang-undang seksyen 337B dan undang-undang 337C agar hukuman lebih berat diberikan kepada pesalah seks luar tabii agar ianya menjadi pengajaran kepada masyarakat.
55. PR-1422-L05223
Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah status semasa rundingan permohonan mendapatkan kuota tambahan bagi jemaah haji Malaysia untuk menunaikan ibadah haji pada tahun ini.
56. PR-1422-L05196
Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein [Sembrong] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah langkah Kerajaan untuk memastikan usaha melestarikan FELDA dicapai sepertimana yang terkandung dalam Kertas Putih FELDA.
57. PR-1422-L05525
Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kementerian akan membantu golongan berpendapatan rendah atau golongan B40 untuk menggalakkan mereka memasang kerusi keselamatan kanak-kanak setelah Kerajaan mewajibkan penggunaan kerusi keselamatan kanak-kanak.
58. PR-1422-L04364
Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci syarikat-syarikat Tabung Haji (TH) yang mengalami kerugian dan berapakah jumlah kerugian yang dialami.
59. PR-1422-L04571
Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dalam menyediakan akaun Tabung Haji bagi tahun 2018, sejumlah 19.9 bilion telah dipindahkan ke Syarikat SPV iaitu UJSB manakala sejumlah 1.507 bilion telah diperuntukkan rosot nilai bagi akaun berakhir 2018. Senarai harta, saham, perniagaan yang telah dirosot nilai.
60. PR-1422-L05020
Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan langkah proaktif Kerajaan untuk membantu pekebun kecil mengeksport lebih minyak sawit mentah secepat mungkin dalam tempoh pengecualian duti eksport minyak sawit mentah.

61. PR-1422-L05136
Dato' Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah Kerajaan untuk memastikan agama Islam terus dipelihara, dipertahan dan diperkasakan sebagai agama Persekutuan sebagaimana Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan termasuk langkah Kerajaan untuk menyeragamkan undang-undang Islam bagi seluruh negeri-negeri di dalam Persekutuan.
62. PR-1422-L04889
Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status kes inkues Mohd Adib Bin Abu Kasim setakat ini.
63. PR-1422-L04807
Dato' Mohd. Nizar bin Haji Zakaria [Parit] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan :-
- (a) apakah rasional Kementerian menghadkan keluasan tanaman sawit negara kepada 6.5 juta hektar menjelang 2023; dan
 - (b) adakah tindakan menghadkan keluasan itu akan menjejaskan pendapatan lebih 500,000 pekebun kecil dan ekonomi negara.
64. PR-1422-L05083
Puan Hajah Natrah binti Ismail [Sekijang] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan sama ada pihak Kerajaan bercadang untuk membuka semula fail permohonan tanah FELCRA bagi penduduk yang layak dan membenarkan pihak pengurusan FELCRA untuk menilai semula pemilihan peserta sebelum ini yang mungkin tidak telus.
65. PR-1422-L04755
Tuan Teh Kok Lim [Taiping] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan rancangan untuk menambah baik dan menaik taraf perkhidmatan ETS khususnya bahagian utara dari Butterworth ke Kuala Lumpur dan tarikh pelaksanaan sekiranya ada.
66. PR-1422-L04820
Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana Kerajaan melihat keperluan penubuhan Jawatankuasa Pilihan Khas dalam pemilihan jawatan-jawatan penting di negara ini.

67. PR-1422-L05480
Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah Kementerian mempunyai hasrat untuk meminda Akta Tanah; Kawasan Penempatan Berkelompok (Akta GSA 1960) bagi memastikan perumahan generasi kedua FELDA dapat dibina di atas tapak perumahan yang sedia ada.
68. PR-1422-L05154
Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah pihak JAKIM berhasrat menyelaraskan bayaran faedah-faedah tertentu kepada Pegawai Kader Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sepertimana faedah-faedah ini dinikmati oleh Pembantu Guru Agama Pihak Jabatan Penjara Malaysia yang terdedah kepada ancaman keselamatan, penyakit berjangkit, dan masalah psikologi di kalangan banduan.
69. PR-1422-L05172
Tuan Shahrizukirnain bin Abd. Kadir [Setiu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan pencarum baru Tabung Haji untuk tempoh Januari 2019 sehingga Mei 2019 dan berapa jumlah caruman mereka dalam tempoh tersebut.
70. PR-1422-L05235
Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah rancangan Kerajaan untuk mencapai matlamat perkongsian kemakmuran seperti yang diumumkan sebelum ini.
71. PR-1422-L04444
Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Jawatankuasa Khas lain yang akan ditubuhkan bagi memperkasakan institusi Parlimen Malaysia.
72. PR-1422-L04348
Dato' Sri Dr. Santhara [Segamat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status pelaksanaan janji yang telah ditaburkan dalam manifesto Pakatan Harapan (PH) untuk masyarakat minoriti dan golongan tertentu khususnya masyarakat India.

73. PR-1422-L05368
Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana tindakan Peguam Negara selari dengan undang-undang dalam Inkuies Kematian Muhammad Adib Mohd Kassim dan apakah jaminan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Jabatan Bomba tidak melepaskan tanggungjawabnya terhadap pegawai yang meninggal semasa bertugas.
74. PR-1422-L05559
Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibü] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan senarai perinci jumlah pelajar dan perbelanjaan terlibat yang ditaja oleh JPA atau biasiswa Kerajaan lain untuk melanjutkan pelajaran di institusi pengajian tinggi di negara China, Jepun, Korea, Jerman, Perancis, UK, US, Australia dan sebagainya dari tahun 2000 hingga 2019.
75. PR-1422-L05397
Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) apakah mekanisme dan formula yang digunakan oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri dalam membuat pengagihan terhadap peruntukan penyelenggaraan jalan serta jambatan sempit di jalan-jalan raya utama dan jalan Persekutuan antara Pantai Barat Dan Pantai Timur; dan
 - (b) berapakah projek penyelenggaraan jalan dan jambatan yang telah diluluskan bagi negeri Kelantan dan Terengganu dalam tempoh setahun pentadbiran Kerajaan Pakatan Harapan.
76. PR-1422-L05182
Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [Bukit Gantang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian Kerajaan dan indikator yang diguna pakai bagi melantik Latheefa Koya yang merupakan Ahli Majlis Pemimpin Tertinggi Parti Keadilan Rakyat (PKR) sebelum dilantik sebagai Pengerusi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah SPRM yang baharu yang mana ia tidak pernah berlaku semasa pentadbiran Kerajaan terdahulu, sekali gus bertentangan dengan janji Manifesto Pakatan Harapan (PH) pada PRU14 yang lalu dan juga bercanggah dengan kenyataan Y.A.B. Perdana Menteri pada 10 Jun 2019 .

77. PR-1422-L04355
Dato' Sri Dr. Santhara [Segamat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk membina Pusat Rehabilitasi Physio yang kedua di bawah penyeliaan PERKESO seperti yang telah dibina di Melaka dan bilakah Pusat Rehabilitasi Physio akan dibina di Sabah atau Sarawak.
78. PR-1422-L05418
Tuan Su Keong Siong [Kampar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil dan/atau dicadangkan untuk memperkasakan dan meletakkan SPRM, SPR dan SUHAKAM di bawah Parlimen dalam usaha menyeluruh penstrukturan semula Jabatan Perdana Menteri.
79. PR-1422-L05062
Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha Kerajaan dalam menangani ancaman sebaran ideologi sesat yang bercanggah dengan Islam seperti Liberalisme dan Pluralisme.
80. PR-1422-L05496
Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan :-
- (a) berapakah kos yang telah dan akan dibelanjakan bagi Kempen Sayangi Sawitku dan sejauh manakah kejayaan dalam konteks membantu meningkatkan eksport sawit serta pertambahan hasil pendapatan peneroka dan pekebun kecil; dan
 - (b) berapakah jumlah rundingan pasaran dalam dan luar negara yang telah dan akan diterokai sejak Jun 2018 hingga Jun 2019 yang memberi keuntungan dan mampu membela nasib peneroka dan pekebun kecil.
81. PR-1422-L04824
Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) apakah perkembangan kajian untuk merangka Undang-undang Dana Politik oleh Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC) serta bilakah ia akan dibentangkan di Parlimen; dan

- (b) sejauh mana pelantikan Ketua Pesuruhjaya SPRM yang baharu ini menampakkan tahap integriti yang tinggi serta bebas daripada pengaruh politik sedia ada terutamanya di pihak Kerajaan. Mengapa ia tidak diperhalusi oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Integriti dan Pencegahan Rasuah.
82. PR-1422-L05264
Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan langkah-langkah yang akan diambil Kerajaan untuk meningkatkan peratus gaji yang diterima pekerja berbanding pemodal untuk mencapai sasaran seperti yang dinyatakan dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11).
83. PR-1422-L04375
Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah kejayaan desentralisasi kuasa kepada Sabah dan Sarawak dan jelaskan secara terperinci kuasa-kuasa tersebut.
84. PR-1422-L04950
Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pandangan Kerajaan terhadap gerakan Sarawak keluar dari Malaysia yang diusahakan oleh beberapa golongan di Sarawak dan adakah negeri Sarawak dibenarkan keluar dari Malaysia di bawah Perlembangan Persekutuan dan Perjanjian Malaysia 1963 serta apakah tindakan yang boleh diambil kepada mereka yang terlibat dalam usaha memisahkan Sarawak dari Malaysia.
85. PR-1422-L04438
Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pecahan atau peratusan mengikut kegunaan wang terkumpul di dalam Baitulmal.
86. PR-1422-L04949
Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan :-
- (a) kemaskini program mitigasi banjir di Sibul, khususnya peringkat pelaksanaan/penyiapan dan jumlah peruntukan yang terlibat dari tarikh pelaksanaan hingga bulan Jun 2019; dan

- (b) rancangan/langkah untuk mengelakkan banjir terutama di kawasan Sentosa, Stabau, Sengan, Bukit Assek, Hua Kiew, Tiong Hua, Tun Ahmad Zaidi Adruce, Pulau Dudong dan kawasan-kawasan yang sering dilanda banjir terutama di kawasan P211 Lanang.
87. PR-1422-L04472
Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan perkembangan penstrukturan semula tarif air di setiap negeri dan langkah Kementerian bagi memastikan infrustruktur dan kemudahan air dijaga dengan baik supaya tidak lagi berlaku gangguan bekalan air.
88. PR-1422-L05628
Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) apakah hasil pencapaian proses pemulihan dan penstrukturan semula Lembaga Tabung Haji dan apakah tindakan yang telah diambil terhadap amalan memberikan hibah kepada pendeposit Tabung Haji yang melanggar Akta Lembaga Tabung Haji 1995; dan
- (b) sudahkah mereka yang terlibat dalam melanggar Akta ini dibawa ke mahkamah dan apakah keputusan penghakiman telah dibuat.
89. PR-1422-L04388
Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada Kerajaan akan menghalang motosikal berkapasiti kurang daripada 250cc menggunakan lebuh raya atau ada pelan tindakan yang lain untuk memastikan keselamatan mereka dan juga pemandu-pemandu kereta.
90. PR-1422-L05138
Dato' Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan mengapakah dividen 2018 peserta FELCRA menurun kepada RM112 juta sahaja berbanding dividen 2017 RM307 juta.

91. PR-1422-L05674
Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [Batu] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah rancangan bagi penguatkuasaan daripada pihak Kementerian terhadap kenderaan modifikasi yang tidak mengikut piawaian dan yang tidak mempunyai dokumen yang sah ketika pengubahsuaian enjin kenderaan.
92. PR-1422-L04763
Puan Noorita binti Sual [Tenom] minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan apakah tindakan pihak Kementerian dalam menangani hakisan tebing sungai yang berlaku berdekatan Kg. Amboi di laluan utama jalan raya penduduk dari Kemabong ke Pekan Tenom dan hakisan tebing Sungai Pegalan di Pusat Kebudayaan Murut Sabah di kawasan Parlimen Tenom.
93. PR-1422-L04720
Dato' Mansor Othman [Nibong Tebal] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah kes rasuah yang disabitkan kesalahan semenjak Kerajaan PH memerintah dan berapakah jumlah kertas siasatan yang dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara tetapi belum diangkat ke mahkamah untuk pendakwaan.
94. PR-1422-L04462
Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [Jelutong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan sekarang terhadap pihak-pihak dan/ataupun individu-individu yang telah menyelewengkan dana yang telah disalurkan kepada *Socioeconomic Development of the Indian Community* (SEDIC) oleh Kerajaan Barisan Nasional dahulu.
95. PR-1422-L04842
Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah terkini penjawat awam Kerajaan Pusat menurut pecahan etnik dan bilangan penjawat awam daripada kalangan rakyat berasal dari negeri Sabah dan Sarawak.
96. PR-1422-L05253
Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sama ada Kementerian mempunyai program khusus untuk membantu banduan-banduan mendapat latihan kemahiran dan memasuki semula pasaran kerja selepas dibebaskan.

97. PR-1422-L05102
Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai perancangan penambahan anggota tetap Angkatan Pertahanan Awam (APM) dan menaik taraf skim KP yang dilihat masih terkebelakang berbanding bomba memandangkan pegawai APM di daerah-daerah masih lagi dalam kalangan kumpulan sokongan berbanding tugas dan risiko yang dipikul mereka apabila bencana berlaku.
98. PR-1422-L05231
Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil bagi membolehkan Jawatankuasa Pilihan Parlimen (PSC) berfungsi secara lebih berkesan untuk mencapai objektif reformasi institusi yang diumumkan.
99. PR-1422-L05727
Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah pihak Kerajaan turut mempertimbangkan hak dan pengiktirafan kepada sesetengah pemimpin Kerajaan Pakatan Harapan yang bukan Islam dalam isu pemberian wang zakat kepada orang Islam kerana ia boleh menimbulkan kekeliruan serta boleh menimbulkan prasangka buruk oleh orang Islam yang mana tanggungjawab tersebut sepatutnya digalas orang Islam.
100. PR-1422-L05729
Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan untuk mendapatkan maklumat tentang penerokaan hutan yang berlaku secara sah dan tidak sah seperti yang berlaku di Gua Musang (Kelantan), Cameron Highlands, Lipis, Jerantut dan Bentong (Pahang) serta di negeri-negeri lain seperti di Kedah, Perlis, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor. Apakah Kerajaan bercadang untuk melibatkan Kerajaan negeri lain kerana telah melanggar syarat terutama gagal mengikuti arahan Jabatan Alam Sekitar.
101. PR-1422-L04538
Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sehingga kini adakah masih terdapat sebarang perjanjian antarabangsa yang sedang dalam kajian atau perbincangan untuk ditandatangani oleh Malaysia, yang perlu diketahui oleh rakyat.

102. PR-1422-L05163

Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [Bukit Gantang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perbezaan yang akan dimainkan oleh Industri Kereta Nasional Ketiga menjelang tahun 2020 berbanding Industri Kereta Nasional Pertama (PROTON) dan Industri Kereta Nasional Kedua (PERODUA) dalam memberi manfaat perkerjaan kepada rakyat khususnya Bumiputera. Adakah sasaran jualan Industri Kereta Nasional Ketiga di peringkat antarabangsa lebih baik berbanding industri kereta nasional sebelum ini.

103. PR-1422-L05642

Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran] minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan menaik taraf Sungai Memanjang dan Sungai Gum-Gum serta tindakan yang wajar dalam mencegah banjir kilat berlaku memandangkan Kampung Sungai Memanjang dan Kampung Gum-gum sering dilanda banjir apabila hujan.

104. PR-1422-L04327

Datuk Dr. Jeffrey Gapari Kitingan [Keningau] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengembangkan pembinaan LRT dan MRT kepada Bandaraya Kota Kinabalu, Sabah.

105. PR-1422-L04317

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera] minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan apakah usaha yang dibuat untuk pembaharuan undang-undang terhadap Akta Hakmilik Strata atau Kanun Tanah Negara supaya pembaharuan bandar (*Urban Renewal*) boleh dibuat ke atas flat-flat yang sudah usang yang melebihi 40 tahun.

106. PR-1422-L05491

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tentang penubuhan Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCMC):-

- (a) apakah jaminan bahawa IPCMC berupaya memberi layanan yang adil dan telus kepada setiap anggota polis serta langkah pencegahan berlakunya penyalahgunaan kuasa pihak tertentu; dan
- (b) Menteri Dalam Negeri pada 13 Mei 2019 mengatakan bahawa IPCMC akan dibentuk menjelang hujung tahun ini. Bilakah tarikh spesifiknya.

107. PR-1422-L04964
Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah kakitangan Axiata di Malaysia dan seluruh dunia ketika ini dan apakah Kerajaan yakin dengan jaminan yang diberikan oleh Pengerusi Axiata bahawa tidak ada pekerja yang akan terpaksa diberhentikan susulan penggabungan antara Axiata dan Telenor.
108. PR-1422-L05383
Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian terkini Kerajaan terhadap Akta Anti Berita Tidak Benar.
109. PR-1422-L05752
Dato' Seri Ahmad Faizal bin Dato' Azumu [Tambun] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan terkini projek kereta nasional ketiga dan komitmen Kerajaan Persekutuan untuk projek ini dilaksanakan di Tanjung Malim demi pemerkasaan kawasan ini sebagai hab automatif nasional.
110. PR-1422-L04979
Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pindaan undang-undang domestik untuk membenarkan pelarian-pelarian seperti etnik Rohingya, warga Palestin, Syria dan juga Muslim Sri Lanka untuk mendapat pekerjaan yang sah dan selamat, pendidikan, dan juga khidmat hospital awam.
111. PR-1422-L04764
Puan Noorita binti Sual [Tenom] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian dalam menangani masalah banjir pendatang tanpa izin di Sabah yang agak membimbangkan sejak kebelakangan ini terutamanya kes-kes berkaitan jenayah yang kebanyakannya melibatkan mereka di Sabah.
112. PR-1422-L05220
Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan menjelaskan sama ada dengan adanya Kerajaan Bangsamoro yang baru dan keadaan yang semakin stabil di Filipina Selatan, apakah rancangan Kerajaan Malaysia untuk membantu migran Filipina di Sabah kembali ke sana secara sukarela.

113. PR-1422-L04345

Tuan Jonathan Yasin [Ranau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang Kerajaan yang telah dan sedang diambil untuk mengusir keluar semua penduduk tanpa izin di negeri Sabah.

PADA PERMULAAN URUSAN MESYUARAT
MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN
UNTUK BACAAN KALI YANG PERTAMA

1. **Menteri Belia dan Sukan**

- * Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) 2019.

* Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dibawa pada semua peringkat di mesyuarat ini.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R 13/2019) Rang Undang-Undang Perhimpunan **Bacaan Kali Yang Kedua**
Aman (Pindaan) 2019

[Menteri Dalam Negeri]

2. (D.R 15/2019) Rang Undang-Undang Perlindungan "
Pengguna (Pindaan) 2019

[Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwat Pengguna]

3. (D.R 16/2019) Rang Undang-Undang Perikanan "
(Pindaan) 2019

[Menteri Pertanian Dan Industri Asas Tani]

4. (D.R. 9/2019) Rang Undang-Undang Majlis "
Keselamatan Negara (Pindaan) 2019

[Perdana Menteri]

5. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

"Bahawa mengikut peruntukan perenggan 4(b) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275], mengambil ketetapan supaya Kerajaan memindahkan sebanyak RM22,000 juta wang terimaan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) di bawah seksyen 3(1) Akta yang sama ke Kumpulan Wang Pembangunan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] bagi maksud Kumpulan Wang tersebut."

6. PR-1422-U(27)050 **Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membentangkan laporan mengenai tindakan-tindakan yang akan diambil daripada cadangan-cadangan penstrukturan semula dan pelan pemulihan terhadap syarikat penerbangan negara, Malaysia Airlines Berhad (MAB). Memandangkan MAB merupakan satu entiti perniagaan yang telah sekian lama menjadi kebanggaan dan maruah negara, maka adalah penting bagi rakyat Malaysia untuk mengetahui usaha-usaha penambahbaikan serta pembaharuan yang konstruktif dan menyeluruh yang dicadangkan dalam usaha memulihkan semula masa depan MAB. "

[Perdana Menteri]

7. PR-1422-U(27)051

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memaparkan Laporan Khas mengenai pelaksanaan projek tambakan laut di perairan selatan Pulau Pinang (PSR) yang dirangka menerusi Pelan Induk Pengangkutan (PIP) serta mengemukakan laporan mengenai tindakan-tindakan yang telah diambil daripada 18 nasihat oleh Majlis Perancangan Fizikal Negara (MPFN) dan ulasan jabatan teknikal yang berkaitan bagi memastikan pelaksanaan projek itu selari dengan Seksyen 2A(2)(b) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976. Berlandaskan prinsip ketelusan dan akauntabiliti, adalah menjadi keperluan kepada Kerajaan untuk mengemukakan laporan ini memandangkan projek ini memberikan implikasi yang besar terhadap alam sekitar, sosial dan kewangan."

[Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan]

8. PR-1422-U(27)052

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan memberi penjelasan terhadap laporan pelaksanaan Pelan Perpaduan, Kesepaduan dan Penyatupaduan Malaysia di bawah Majlis Konsultasi Perpaduan Negara (MKPN) yang dilancarkan pada Oktober 2018 dalam memperkasakan keharmonian masyarakat majmuk di Malaysia dengan mewujudkan pendekatan yang bersifat lebih holistik dan inklusif sekaligus membawa kepada pemahaman yang lebih baik antara komuniti yang berbeza serta mewujudkan kesepaduan sosial dan perpaduan negara yang lebih baik. Kerajaan perlu membentangkan serta membentuk ruang perbincangan dengan segera apakah syor yang disarankan melalui pelan ini benar-benar efektif dalam mengukuhkan jalinan perpaduan di negara ini."

[Perdana Menteri]

9. PR-1422-U(27)053

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan memberi perhatian terhadap pembangunan dan meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat Orang Asli, seperti yang termaktub dalam Janji 38, Manifesto PH iaitu Membela Nasib Orang Asli di negara ini. Kerajaan perlu membentangkan cadangan Pelan Pembangunan Masyarakat Orang Asli Nasional bagi menangani isu utama dihadapi masyarakat Orang Asli di negara ini dan adalah kemestian bagi Kerajaan memastikan setiap gerak kerja dan usaha pembangunan yang dilaksanakan Kerajaan terhadap Orang Asli ini adalah sejajar dengan Pendekatan Berasaskan Hak Asasi Manusia (PBHAM). Ini adalah supaya setiap program pembangunan dan kebajikan yang dirancang mampu memberi faedah yang lebih menyeluruh kepada masyarakat Orang Asli di samping tidak mengeneppikan kepentingan dan memelihara perkara asas berkaitan mereka melalui prinsip IMABT (Keizinan Berasaskan Makluman, Awal, Bebas dan Telus)."

[Perdana Menteri]

10. PR-1422-U(27)054

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Agar institusi Parlimen menetapkan supaya satu Jawatankuasa Pilihan Khas ditubuhkan bagi meneliti semua pandangan rakyat Malaysia mengenai langkah Kerajaan untuk memansuhkan hukuman mati dalam 32 kesalahan melibatkan lapan perundangan negara atau yang terkini mungkin hanya memansuhkan hukuman mandatori sahaja."

"Dalam semangat Malaysia Baharu selepas 9 Mei, ianya menjadi satu tanggungjawab Kerajaan agar dapat menghormati pandangan setiap lapisan rakyat Malaysia terutamanya mengenai perkara memansuhkan hukuman mati yang juga melibatkan nyawa masyarakat termasuk perasaan keluarga mangsa atau keluarga tahanan hukuman mati. "

"Sekiranya pandangan rakyat ini tidak diteliti, Kerajaan Pakatan Harapan akan dilihat sebagai menafikan hak kebebasan bersuara mereka. Kerajaan juga perlu menyatakan pendirian dengan jelas, apakah alternatif lain yang akan diganti selepas pemansuhan hukuman mati ini dilaksanakan dan apakah ia mampu dijadikan sebagai langkah pencegahan atau sebaliknya. Kerajaan Pakatan Harapan perlu sedar bahawa kejayaan mereka menjadi Kerajaan hari ini adalah disebabkan kuasa dan suara rakyat."

[Perdana Menteri]

11. PR-1422-U(27)055

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Dewan ini menyeru agar Kerajaan dapat mendengar suara rakyat dan seterusnya membatalkan cadangan projek kereta nasional ketiga yang dijadualkan pelaksanaannya pada tahun 2020. Menteri Kewangan telah memberi jaminan pada Ogos 2018 bahawa projek kereta nasional ketiga tidak akan menggunakan wang rakyat. Namun, Menteri Pembangunan Usahawan telah mengumumkan peruntukan dana sebanyak RM20 juta pada Januari 2019 bagi membangunkan prototaip kereta nasional ketiga. Kos penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan juga penghasilan kereta nasional ketiga melibatkan pelaburan berbilion-bilion ringgit. Walaupun projek ini dimajukan oleh syarikat berkaitan kerajaan (GLC) seperti SilTerra Malaysia Sdn. Bhd., ianya secara tidak langsung melibatkan wang rakyat kerana SilTerra Malaysia Sdn. Bhd. adalah milik Khazanah Nasional. Memandangkan situasi ekonomi negara yang tidak menentu, projek kereta nasional ketiga akan membebankan Kerajaan dan rakyat (khususnya pembeli kereta) sekiranya projek ini diteruskan. Adalah disarankan agar projek kereta nasional ketiga dibatalkan demi menjimatkan wang rakyat."

[Perdana Menteri]

12. PR-1422-U(27)056

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Menurut laporan media Sin Chew Daily bertarikh 19 Ogos 2018, Ketua Strategi PPBM Rais Hussin yang merupakan Pengerusi Jawatankuasa Penggubalan Manifesto Pakatan Harapan sebelum PRU14 telah mengumumkan bahawa semasa Buku Harapan (Manifesto PH untuk PRU14) dirangka, pra-syarat untuk menilai pengiktirafan Sijil Peperiksaan Bersepadu (Unified Examination Certificate–UEC) adalah kelulusan dalam 4 mata pelajaran iaitu Bahasa Melayu, Sejarah, Matematik dan Sains di peringkat SPM. "

"Akan tetapi, Kementerian Pendidikan setakat ini tidak pernah menjelaskan perkara tersebut yang banyak menimbulkan kekeliruan dan ianya berlainan nada dengan apa yang dijanjikan oleh Pakatan Harapan semasa PRU14, iaitu UEC dapat diiktiraf hanya dengan memperolehi kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat SPM."

"Mantan Menteri Pelajaran iaitu Ahli Parlimen Pagoh telah mengarahkan semua universiti awam tempatan untuk menambah satu syarat am bagi kemasukan ke universiti awam iaitu sekurang-kurangnya lulus dalam mata pelajaran Sejarah di peringkat SPM memandangkan mata pelajaran Sejarah telah menjadi mata pelajaran wajib lulus dalam SPM. Ini bermakna tanpa lulus mata pelajaran Sejarah di peringkat SPM, seseorang calon itu tidak boleh memperolehi sijil SPM. Arahan tersebut berkuatkuasa sejak tahun 2013."

"Dewan ini mendesak Kementerian Pendidikan untuk menjelaskan sama ada mata pelajaran Sejarah, Matematik dan Sains di peringkat SPM masih diambil kira sebagai pra-syarat pengiktirafan UEC seperti yang dikatakan oleh Rais Hussin. Sekiranya kenyataan Rais Hussin itu benar, maka Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) perlu melakukan penyelarasan dasar baru bagi mengatasi kekangan syarat kemasukan pelajar UEC ke universiti awam tempatan. Kementerian Pendidikan mesti mempunyai pendirian yang jelas dalam perkara ini dan tidak boleh berdolak-dalik."

"Selaras dengan manifesto Pakatan Harapan, Kementerian Pendidikan harus memberi pengiktirafan segera ke atas pelajar UEC seperti mana yang dijanjikan oleh YB Kulai merangkap Timbalan Menteri Pendidikan semasa berkempen di PRU 14 dan dalam rakaman video beliau pada 9 April 2018 yang dimuat naik ke "Youtube", di mana beliau mengatakan Pakatan Harapan sudah mempunyai "hitam putih" untuk mengiktiraf UEC sebaik sahaja Pakatan Harapan menjadi Kerajaan."

[Menteri Pendidikan]

13. PR-1422-U(27)057

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Dewan ini menyeru agar Kerajaan dapat meneruskan projek pembinaan 10 buah SJKC baru dan perpindahan 6 buah SJKC kurang murid yang telah diluluskan oleh Kerajaan pada 26 Oktober 2017, termasuk mengekalkan 10 nama sekolah baru yang telah diluluskan."

"Kerajaan sepatutnya menyiapkan projek tersebut dalam masa 5 tahun dengan peruntukan RM20 juta setiap tahun (jumlah keseluruhannya RM100 juta) seperti yang telah dijanjikan oleh Kerajaan terdahulu."

"Tetapi malangnya, pelaksanaan projek tersebut agak lambat dan tiada perkembangan yang signifikan. Dengan itu, mengharapkan Dewan ini mengambil maklum perkara ini dan mendesak Kerajaan Pakatan Harapan mempercepatkan proses pembinaan 10 buah SJKC baru dan perpindahan 6 buah SJKC kurang murid ke kawasan yang lebih padat penduduk Cina."

"Seperti yang dijanjikan oleh YB Menteri Pendidikan pada 28 Jun 2018, SJKC Kuek Ho Yao di Seri Austin, Johor Bahru dan SJKC Sim Mow Yu di Masai, Johor akan tetap didirikan memandangkan upacara pecah tanah sekolah telah disempurnakan pada tahun 2018, iaitu sebelum PRU 14. Maka, Kementerian Pendidikan sepatutnya rasa terpanggil untuk menyalurkan peruntukan sekurang-kurangnya RM7 juta untuk menanggung kos pembinaan setiap SJKC yang dinamakan di atas."

[Menteri Pendidikan]

14. PR-1422-U(27)058

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Dewan ini menggesa Kerajaan supaya dapat memberikan peruntukan yang sama rata kepada Ahli Parlimen tanpa mengira fahaman politik. Ini kerana, Ahli Parlimen Kerajaan di Semenanjung Malaysia telah diberi peruntukan sebanyak RM1,000,000 iaitu RM300,000 untuk operasi Pusat Khidmat dan RM700,000 bagi peruntukan kawasan pada tahun 2018. Manakala tahun 2019, Ahli Parlimen Kerajaan diperuntukkan RM1,800,000 iaitu RM300,000 untuk operasi Pusat Khidmat dan RM1,500,000 bagi peruntukan kawasan. Sementara Ahli Parlimen pembangkang hanya diberikan RM100,000 sahaja bagi tahun 2018 dan tidak menerima apa-apa peruntukan untuk tahun 2019. Ini merupakan satu bentuk diskriminasi yang amat ketara."

"Gesaaan ini selari dengan semangat 'Malaysia Baharu' dan hasrat badan bebas (NGO) seperti BERSIH yang mahu memastikan tiada istilah diskriminasi dalam negara dan semua pengundi harus dilayan dengan adil dan saksama. Malah, perkara ini juga diperjuangkan oleh pemimpin Kerajaan hari ini ketika bergelut pembangkang suatu ketika dahulu. Dalam masa sama, semangat 'Malaysia Baharu' ini juga yang menuntut kesuburan demokrasi. Prinsip keadilan ini akan dijadikan sebagai penanda aras dan seterusnya diteladani oleh Kerajaan negeri yang lain di Malaysia tanpa mengira parti mana yang memerintah."

[Perdana Menteri]

15. PR-1422-U(27)059

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan perancangan jangka masa panjang yang menyeluruh dalam memastikan setiap dasar dan polisi Kerajaan di semua peringkat mempunyai tahap kefahaman mengenai institusi raja atau raja berpelembagaan yang kukuh seterusnya menyemai kefahaman yang sebenar dalam kalangan rakyat di negara ini. Sejak kebelakangan ini banyak kekeliruan berlaku khususnya dalam kalangan anak-anak muda berkenaan dengan bagaimana kuasa institusi raja diamalkan dan ramai dibesarkan dengan fahaman bahawa Raja Melayu bertindak atas nasihat sebenarnya tidak memahami maksud sebenar. Perkataan nasihat itu sering disalah erti kerana perkataan dalam perlembagaan dalam versi Bahasa Inggeris, kita guna "*advice*" yang membawa maksud perkara yang baik-baik. Ia adalah bertentangan kepada perkataan "*vice*". Raja juga perlu menerima nasihat yang baik-baik. Ini kerana dalam perlembagaan diberikan hak kepada raja-raja untuk meminta maklumat daripada Kerajaan tentang institusi semasa negeri. Baginda berhak. Perkara tersebut ada ditulis dalam perkara 40 (1) walaupun bertindak atas nasihat tetapi baginda mempunyai hak untuk mengetahui tentang hal ehwal semasa negeri. Selain itu terdapat polemik berkaitan istilah raja sebagai simbol. Apabila simbol, raja perlu bertindak atas nasihat tanpa mengambil kira peruntukan dalam perlembagaan yang memberikan kuasa budi bicara yang mutlak kepada raja-raja. Maknanya ada lagi ciri-ciri yang dikatakan budi bicara kepada raja itu. Dalam Perkara 181 Perlembagaan Persekutuan menyebut kedaulatan raja adalah kekal sebagaimana sebelum ini. Apabila menyatakan raja-raja itu mempunyai kedaulatan, baginda mempunyai kuasa dan kekuasaan. Perkataan kedaulatan itu menyatakan tentang ada kedaulatan, kuasa dan kekuasaan. Kalau ada kedaulatan tetapi perlembagaan tidak memberikan baginda kuasa, maka tidak ada kekuasaan dan ia tidak bererti. Tetapi, raja berpelembagaan walaupun bertindak dalam kebanyakan perkara atas nasihat tetapi ada ruang-ruang diberikan kepada baginda menerusi perlembagaan. Apabila telah mantap dengan asas kenegaraan ini, baharulah institusi raja berpelembagaan dapat difahami dengan mantap. Institusi beraja ini tidak boleh dibicarakan secara bermusim, ia perlu setiap masa dan dihayati oleh setiap rakyat. "

[Perdana Menteri]

16. PR-1422-U(27)060

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan secara menyeluruh dan terperinci berkenaan Laporan Rumusan Jawatankuasa Eksekutif Penilaian Operasi LYNAS yang telah dikeluarkan pada 8 Disember 2018 yang lalu. Pembentangan ini amat penting supaya rakyat memahami dengan jelas apakah yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa tersebut untuk tindakan seterusnya. Laporan ini juga sekaligus akan meleraikan setiap kenyataan-kenyataan anggota pentadbiran Kerajaan dan pelbagai pihak berkepentingan yang bercanggah dan mengelirukan. Laporan rumusan ini juga akan menjadi rujukan utama untuk platform analisis bagi semakan sama ada tindakan Kementerian berhubung operasi LYNAS selari dengan kandungan rumusan laporan tersebut."

[Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar Dan Perubahan Iklim]

17. PR-1422-U(27)061

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan menyatakan pendirian terhadap desakan antarabangsa yang berterusan kepada Malaysia untuk menandatangani dan meratifikasi semua perjanjian antarabangsa mengenai hak asasi manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Kerajaan tanpa campur tangan kuasa asing perlu mempunyai pendirian yang jelas dan tidak bercelaru kerana setiap negara mempunyai hak sama ada untuk turut serta atau sebaliknya dalam setiap perjanjian antarabangsa kerana tidak kira kuasa besar atau kecil, keutamaan negara individu adalah berbeza diantara satu sama lain. Menjadi prinsip kebanyakan negara terutamanya kuasa besar dunia akan hanya mengesahkan perjanjian antarabangsa jika ia tidak menongkah arus kehendak Perlembagaan sesuatu negara iaitu kepentingan rakyat dan negara mereka diutamakan. Dalam hal ini, Perlembagaan Persekutuan harus dijadikan rujukan utama buat Malaysia dalam membuat apa-apa keputusan. Seperti mana keenganan negara-negara kuasa besar dunia mengesahkan perjanjian-perjanjian hak asasi ini perlu dijadikan perhatian oleh Kerajaan Malaysia kerana asas utama keenganan negara-negara besar ini ialah mereka amat kluatir konvensyen tersebut akan menghakis kedaulatan negara mereka. Pendirian berkenaan perjanjian antarabangsa memerlukan kefahaman tentang pemakian undang-undang antarabangsa dalam sistem perundangan Malaysia. Pemahaman terhadap teori penerimaan dan pemakaian undang-undang antarabangsa dalam suatu negara iaitu Doktrin Diperbadankan (*Doctrine of Incorporation*) dan Doktrin Transformasi (*Doctrine of Transformation*) perlu jelas dan difahami secara mendalam terlebih dahulu. Perkara 74 dan Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan memberikan kesan bahawa kuasa untuk membuat atau menandatangani dan meratifikasi triti atau perjanjian di peringkat antarabangsa adalah terletak di bawah bidang kuasa Persekutuan.

la juga menunjukkan bahawa Badan Eksekutif mempunyai kuasa untuk membuat perjanjian antarabangsa atau menandatangani apa-apa perjanjian antarabangsa, manakala kuasa untuk menguatkuasakan undang-undang antarabangsa tersebut adalah terletak hak kepada Parlimen. Prinsip yang harus Kerajaan nyatakan dengan jelas adalah kedaulatan negara dan kepentingan rakyat masing-masing mesti didahulukan walaupun negara terbabit akan dituduh sebagai tidak menghormati suara majoriti masyarakat antarabangsa."

[Menteri Luar Negeri]

18. PR-1422-U(27)062

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan mewujudkan dasar yang jelas serta dan polisi yang lengkap berkenaan menetapkan harga lantai bagi sektor komoditi di negara ini. Kerajaan perlu mempunyai mekanisme yang kukuh dalam menstabilkan harga sektor komoditi di negara ini yang merangkumi industri sawit, industri getah, industri koko, industri lada dan industri tembakau. Dengan melaksanakan penetapan harga subsidi atau harga lantai bagi setiap industri komoditi ini akan memastikan nasib peneroka dan pekebun kecil terbela melalui jaminan harga industri yang jelas dan kukuh pada setiap masa. Kerajaan harus menggunakan semua platform seperti agensi Lembaga Getah Malaysia, Lembaga Minyak Sawit Malaysia, Lembaga Koko Malaysia, Lembaga Lada Malaysia, Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara serta agensi-agensi antarabangsa yang memainkan peranan besar dalam menyelaras sektor komoditi. Kerajaan juga perlu menyediakan pelan-pelan sokongan dan bantuan bagi jangka masa panjang bagi memastikan mereka yang terlibat terutamanya peneroka dan pekebun kecil tidak terjejas dan tidak terlalu bergantung kepada harga pasaran dunia."

[Menteri Industri Utama]

19. PR-1422-U(27)063

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan menubuhkan sebuah jawatankuasa bagi mengkaji dan membentangkan perancangan model pendidikan jangka masa panjang menyeluruh yang akan menyelesaikan masalah polarisasi kaum yang semakin menebal dalam kalangan anak muda di negara ini. Model pendidikan jangka masa panjang ini perlu merangkumi keseluruhan aspek pembelajaran termasuk komponen subjek akademik, komponen kerohanian dan komponen etnik tanpa membelakangi peruntukkan yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan dan semangat Rukun Negara. Masalah polarisasi akaun akan dilihat semakin serius jika perancangan ini tidak dilakukan segera. Apabila model pendidikan daripada peringkat awal pembelajaran tidak dapat mencapai tahap toleransi semua kaum dan semangat kenegaraan semakin lemah dalam kalangan anak muda, potensi untuk membangunkan negara bangsa mengikut acuan kita sendiri akan terencat dan keharmonian serta kesejahteraan negara juga akan terancam."

[Menteri Pendidikan]

20. PR-1422-U(27)047

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan :-

"mencadangkan Kerajaan supaya mempergiatkan usaha untuk menyatupadukan rakyat berbilang kaum di Malaysia yang kelihatan masih lemah dan longgar meskipun negara telah menjadi negara merdeka dan berdaulat sejak 61 tahun lalu supaya mereka boleh hidup dengan aman dan saling memerlukan serta memahami bagi memudahkan mereka membangunkan ekonomi negara secara bersama dan merealisasikan Impian Negaraku Malaysia Baharu selepas PRU-14."

[Perdana Menteri]

21. PR-1422-U(27)048

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan :-

"memulihkan pilihan raya Kerajaan Tempatan seluruh negara supaya urus tadbir Kerajaan menjadi lebih cekap, akauntabiliti dan bersih dengan mengambil langkah pertama untuk membuat kajian serius dan melakukan pungutan suara antara rakyat."

[Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan]

22. PR-1422-U(27)049

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini bersetuju untuk menubuhkan sebuah Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen (JPKP) mengenai Pilihan Raya, supaya JPKP tersebut boleh menyiasat aduan mengenai salah laku-salah laku bekas ahli-ahli Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dalam pilihan raya umum yang lepas; dan Parlimen mempunyai sebuah platform bebas tersendiri untuk memantau dan menerima laporan daripada SPR secara berterusan."

[Perdana Menteri]

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)**

<u>TAHUN</u> <u>2019</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
ST. 109	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Yayasan Laporan Kewangan (FRF) Bagi Tahun 2018	4 Julai 2019

****UCAPAN
(PERATURAN MESYUARAT 17)
(KAMAR KHAS)**

Tarikh Ucapan	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
1. 04.07.2019 (Khamis)	1. YB Tuan Charles Anthony Santiago (Klang)	1. Kementerian Kerja Raya Harus Membaik Pulih Jalan-Jalan Di Kawasan Klang	1. YB Menteri Kerja Raya
2. 04.07.2019 (Khamis)	2. YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam)	2. Pembiayaan Projek Kereta Nasional Ketiga	2. YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri

**** Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**